

Soalan No:41

PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : TUAN LIM KIT SIANG [GELANG PATAH]

TARIKH : 6.11.2017

SOALAN :

Tuan Lim Kit Siang [Gelang Patah] minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan sama ada semua parti politik di Malaysia akan dibenarkan untuk mengadakan acara 'menghayati sejarah' sepertimana yang diadakan oleh Menteri Wilayah Persekutuan di SK Putrajaya Presint 14(1) pada 3 Oktober 2017.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) mempunyai prosedur standard bagi penyertaan guru dan murid dalam program anjuran agensi kerajaan termasuk kerajaan negeri, kehadiran orang kenamaan atau individu tertentu ke sekolah dan penggunaan premis atau kemudahan sekolah oleh pihak luar. Semua aktiviti tersebut memerlukan pihak berkenaan memohon kebenaran daripada KPM melalui Pengarah Pendidikan Negeri untuk memastikan keselamatan, kesejahteraan dan kebajikan warga sekolah serta menjamin keselamatan harta benda sekolah.

KPM juga sentiasa memastikan semua penjawat awam warga pendidikan memberi taat setia yang tidak berbelah bagi pada setiap

77

masa dan ketika kepada Yang di-Pertuan Agong, Negara dan Kerajaan yang memerintah sebagaimana yang tercatat dalam Peraturan 4(1), Peraturan-Peraturan Pegawai Awam (Kelakuan dan Tatatertib) 1993. Surat Pekeliling Ikhtisas Bil.5/1999 telah menegaskan bahawa semua kakitangan dan pegawai perkhidmatan pendidikan dilarang terlibat dalam aktiviti anti-kerajaan.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, program yang telah dijalankan di SK Putrajaya Presint 14(1) merupakan program pertandingan yang bertemakan Kemerdekaan yang bertujuan melahirkan generasi Malaysia yang peka tentang sejarah perjuangan kemerdekaan dan pelaksanaan program itu juga adalah bersesuaian dengan tema pertandingan tersebut. Program tersebut merupakan program yang dianjurkan oleh Kementerian Wilayah Persekutuan dengan kerjasama Jabatan Pendidikan Wilayah Persekutuan Putrajaya.

RJM37

**SIDANG DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KELIMA
PARLIMEN KETIGA BELAS (2017)**

PERTANYAAN : **LISAN**
DARIPADA : **YB DATUK HAJI SHABUDIN BIN
YAHAYA [TASEK GELUGOR]**
TARIKH : **6 NOVEMBER 2017 [ISNIN]**
SOALAN : **42**

minta **MENTERI SAINS, TEKNOLOGI DAN INOVASI** menyatakan sejauh manakah jerami padi mampu meningkatkan pertumbuhan industri pembungkusan terbiodegradasi yang berpotensi sebagai penggunaan bahan plastik dan polistirena di samping menggalakkan kelestarian alam sekitar serta kemajuan teknologi hijau negara.

JAWAPAN:

Tuan Yang di-Pertua,

Penggunaan bahan sisa *biomass* pertanian sebagai bahan pembungkusan alternatif merupakan salah satu daripada inisiatif Kerajaan dalam mengurangkan sisa bahan buangan dan memaksimumkan pulangan ekonomi. Dalam hal ini, Kerajaan telah menetapkan industri pembuatan bahan pembungkusan terbiodegradasi sebagai salah satu daripada sub-sektor tumpuan Bioekonomi melalui EPP1.3: Biomaterial daripada Sumber Boleh Diperbaharui.

Antara bahan sisa *biomass* pertanian termasuklah jerami padi yang boleh ditukar menjadi bahan pembungkusan terbiodegradasi melalui teknologi

tindak balas enzim. Ia boleh menghasilkan produk bahan pembungkusan untuk industri makanan, hospital dan barangan pembuatan.

Syarikat yang telah membangunkan teknologi ini ialah Free The Seed Sdn Bhd yang merupakan sebahagian daripada Program Transformasi Bioekonomi (BTP) dan program Pembangunan Komuniti Bioekonomi (BCDP) di bawah Bioeconomy Corporation.

Pada peringkat permulaan, syarikat ini menandatangani kontrak 10 tahun Pembekalan dan Pembelian Stok Biomas Jerami Padi dengan Pertubuhan Peladang Kawasan Pendang Selatan (PPK). Ia akan memberi manfaat kepada 12 estet padi di bawah PPK tersebut. Dalam tempoh 10 tahun tersebut, dijangkakan hasil belian adalah sebanyak lebih kurang RM 7 juta melibatkan 800 petani.

Syarikat tersebut juga telah membuka kilang di Gurun Heavy Industrial Park, Kedah yang dapat menghasilkan kira-kira 60 juta unit bahan pembungkusan setahun.

Maklumat yang diperolehi daripada MADA, industri beras menghasilkan 500,000 metrik tan sekam dan jerami setahun. Sehubungan itu, industri pembungkusan terbiodegradasi amat berpotensi untuk terus maju dan dapat memberi manfaat secara langsung kepada petani terutamanya di kawasan jelapang padi MADA. Ini bukan sahaja menggalakkan kelestarian alam sekitar malah memberi pulangan ekonomi kepada para petani untuk meraih pendapatan tambahan.

Sekian, terima kasih.